

Ruj. Kami: MBPJ/090100/T/A6/JLD 12 (6)
Tarikh: 7 FEBRUARI 2014

KENYATAAN AKHBAR

MBPJ FOKUS 5 SEKTOR PEMBANGUNAN UTAMA

Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) memberi fokus kepada lima sektor pembangunan utama dalam pelan bajet tahun 2014 selaras dengan hasrat menjadikan kawasan itu sebagai bandar lestari (PJ Lestari) pada 2014.

Pelan pembangunan yang dipersetujui melalui bengkel 'PJ Livable City Strategic Plan 2030' pada September 2013 lalu itu merujuk kepada prasarana lestari, persekitaran mesra alam, pengurusan trafik, gaya hidup lestari dan memperkasakan organisasi.

Sehubungan itu, pelbagai faedah akan dinikmati oleh warga Petaling Jaya melalui pelaksanaan 5 komponen utama tersebut antaranya inisiatif MBPJ dalam memberikan penghargaan kepada pembangunan komuniti Petaling Jaya yang cemerlang dalam mewujudkan kejiranan yang mampan, sejahtera, selamat dan hijau melalui Anugerah Perdana Komuniti MAMPAN.

Selaras dengan pendekatan Lokal Agenda 21, MBPJ turut memberi peluang kepada komuniti di kawasan perumahan kos rendah untuk bersama-sama memainkan peranan ke arah memperbaiki kualiti kehidupan yang lebih sempurna dan sejahtera melalui penganjuran Pertandingan Komuniti Sejahtera Bagi Pangsapuri Kos Rendah Petaling Jaya.

Pihak Majlis juga akan menyediakan perkhidmatan **bas pengantara**, dan kemudahan '**Park n Ride**' di kawasan khas serta pembinaan laluan basikal dan pejalan kaki yang selesa dan selamat.

Di samping itu, MBPJ juga akan meningkatkan keupayaan pemantauan dan penguatkuasaan di lokasi 'hot spot' bagi mengurangkan indeks jenayah.

MBPJ turut berhasrat mengadakan sistem kawalan trafik bersepadu dan pemantauan berpusat bagi lampu isyarat di kawasan Petaling Jaya.

Bagi kawasan baru yang sedang dibangunkan pula, Majlis telah mensyaratkan pemaju supaya memasang kamera litar tertutup (CCTV) di lampu isyarat dan lampu jalan untuk diserahkan kepada MBPJ dan dipantau oleh pusat kawalan trafik tersebut.

MBPJ akan meneruskan Program Keselamatan Kejiranan Petaling Jaya (PKKPJ) bagi meronda kawasan komuniti masing-masing, dan penubuhan Unit Polis Bantuan di Jabatan Penguatkuasaan dan Keselamatan bagi menjalankan kerja-kerja rondaan

keselamatan bersama pihak polis. Pada tahun 2013, pihak Majlis telah menerima 84 permohonan daripada Persatuan Penduduk dan Rukun Tetangga di Petaling Jaya.

Setiap tahun MBPJ memperuntukkan sebanyak RM700 ribu sebagai bantuan program PKKPJ untuk membeli peralatan rondaan dengan harapan supaya setiap penduduk di Petaling Jaya merasa selamat walau di mana mereka berada sekaligus menjadikan bandaraya Petaling Jaya sebagai bandar raya yang selamat dan selesa.

Semua Persatuan Penduduk dan Rukun Tetangga di Petaling Jaya yang berdaftar dengan MBPJ juga layak menerima bantuan kewangan RM2000 bagi Persatuan Penduduk dan RM1000 bagi Rukun Tetangga yang bergiat aktif menjalankan aktiviti dan program yang dikelola oleh mereka sendiri.

Orang Kelainan Upaya (OKU) juga turut menerima faedah dari bajet 2014 MBPJ melalui pengurangan 50% caj bayaran cukai taksiran kepada pemilik harta tanah kepada pemilik kediaman perumahan di seluruh kawasan pentadbiran negeri Selangor mengikut kriteria yang ditetapkan.

Bermula dari bulan Jun hingga Disember 2013, MBPJ telah menerima sebanyak 24 permohonan dan jumlah diskauan yang diberikan berjumlah RM4747.40.

Begitu juga dengan pemilik rumah kos rendah yang akan menerima pengurangan cukai taksiran sebanyak 25%.

Pengurangan cukai taksiran ini bertujuan untuk mengurangkan beban OKU dan golongan orang kurang berkemampuan yang disebabkan kos sara hidup yang tinggi terutama dikawasan bandar.

Nasib golongan miskin bandar turut mendapat perhatian MBPJ dengan adanya pelbagai inisiatif yang dirangka bagi memberi peluang dan pendedahan kepada mereka di bawah Program Pembasmian Kemiskinan Bandar Petaling Jaya. Antara program yang diatur seperti kursus dan bengkel kemahiran bagi menjana pendapatan seterusnya membuka peluang pekerjaan bagi golongan miskin bandar ini.

Di samping itu pihak Majlis turut menyediakan program jom shopping untuk meringankan bebanan penduduk yang tidak berkemampuan yang merupakan salah satu tanggungjawab dan sumbangan khidmat sosial daripada MBPJ kepada komuniti setempat di bawah pentadbirannya.

Keprihatinan MBPJ dalam membentuk komuniti sejahtera diperhebatkan lagi dengan penyediaan perkhidmatan bas komuniti di dua kawasan pentadbiran Petaling Jaya iaitu Petaling Jaya Selatan (PJS) dan Petaling Jaya Utara (PJU).

Perkhidmatan yang disediakan secara percuma ini bertujuan untuk memberi perkhidmatan kepada golongan berpendapatan rendah dan warga emas di kawasan perumahan kos rendah, Petaling Jaya.

Di samping itu, penyediaan transit OKU yang mula beroperasi jam 8.00 pagi hingga 5.00 petang bagi membantu golongan Orang Kelainan Upaya ini pergi dan balik hospital di Petaling Jaya.

Bagi menjadikan Petaling Jaya sebuah Bandaraya Hijau Berkarbon Rendah satu Pelan Strategik Kerangka Low Carbon City of Petaling Jaya yang didrafkan oleh Pasukan Petugas Green City of Petaling Jaya telah diluluskan oleh MBPJ pada 28hb Julai 2011 sebagai panduan perlaksanaannya.

Pelbagai inisiatif telah diambil oleh pihak Majlis diantaranya pada 22hb Disember 2011, pihak Majlis telah melancarkan Program Pemasangan Lampu LED di Lorong Belakang Rumah dengan peruntukan sebanyak RM 100 ribu dan pemasangan lampu LED ini secara rakan perkongsian antara MBPJ dan pemilik rumah.

Program ini bertujuan memberi keselesaan dan keselamatan yang lebih terjamin untuk penduduk di Petaling Jaya disamping dapat mengurangkan pembebasan Karbon Dioksida (CO₂) yang mesra alam kepada pemilik rumah di Petaling Jaya.

MBPJ turut memperkenalkan Skim Insentif Meletak Kereta Secara Percuma Bagi Pembeli Kereta Hybrid di kawasan MBPJ yang terbuka kepada semua pemilik kenderaan (Individu atau Syarikat) yang membeli kereta Hybrid/Elektrik di mana-mana kedai menjual kenderaan di kawasan Petaling Jaya sahaja.

Tawaran ini hanya LAYAK kepada permohonan kali pertama sahaja bagi setiap kereta hybrid/elektrik yang dibeli dan kemudahan skim insentif ini adalah untuk seluruh tempat letak kereta atas jalan di kawasan Petaling Jaya sahaja.

Bermula pada 22 Februari 2013, Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) telah melancarkan Kempen Rebat Cukai Taksiran, Rumah Mesra Alam Hijau bertujuan untuk mempromosikan gaya hidup mesra alam hijau kepada penduduk ke arah menjadikan Petaling Jaya sebuah bandaraya hijau berkarbon rendah.

Rebat cukai taksiran ini ditawarkan kepada pemilik rumah yang telah mengambil inisiatif menjadikan bangunan kediaman mereka mesra alam hijau dari segi aspek tenaga, air, kepelbagaian biologi, pengurusan sisa buangan, pengangkutan dan inisiatif lain.

MBPJ turut memperkenalkan Anugerah Tokoh Hijau Petaling Jaya bertujuan untuk memberi penghargaan tertinggi Bandaraya kepada penduduk Petaling Jaya yang telah memberikan sumbangan besar dalam bidang pembangunan mampan, khususnya pemeliharaan alam sekitar.

lanya dihadiahkan kepada individu yang telah memberikan sumbangan tenaga dan buah fikiran dalam bidang pembangunan mampan khususnya alam sekitar serta bergiat ke arah:

- a. Meningkatkan kesedaran/pengetahuan/kemahiran/ penyerataan orang awam dalam pemeliharaan & pemuliharaan alam sekitar.
- b. Menjalankan program/aktiviti dan berjaya menyelesaikan masalah perlindungan pencemaran alam sekitar di peringkat tempatan yang boleh dijadikan teladan.
- c. Berjaya menjadi model pembelajaran pihak-pihak lain dalam menyelesaikan cabaran pembangunan mampan khususnya alam sekitar.

Untuk mencapai hasrat tersebut, perancangan pembangunan harus difokuskan kepada usaha mewujudkan ruang awam yang berfungsi bagi mewujudkan interaksi sosial di kalangan penghuni bandar.

Penekanan akan diberikan kepada penyediaan perkhidmatan dan kemudahan yang bertaraf dunia bagi memenuhi kehendak masyarakat Petaling Jaya dan menginginkan supaya penghuni bandar dapat bekerja, bermain dan tinggal di kawasan bandar dengan semangat, rasa nikmat dan sepenuh hati.

Disediakan oleh,

**Sekretariat Media
Unit Perhubungan Awam,
Majlis Bandaraya Petaling Jaya.**

Laman web: www.mbpj.gov.my, facebook: Petaling Jaya City Council, twitter: [pjcitycouncil](https://twitter.com/pjcitycouncil),
emel: media@mbpj.gov.my Tel : 03-79563544 sambungan 203/204, Faks : 03-79582695

Sebarang pertanyaan atau maklumat lanjut, sila hubungi: Pegawai Perhubungan Awam MBPJ, Puan Zainun bt Zakaria, 019-2239604, zainun@mbpj.gov.my atau Penolong Pegawai Perhubungan Awam MBPJ, Ahmad Iskandar b. Mohamad Mukhtar, 010-4268050, ahmadiskandar@mbpj.gov.my